

NCER Catat Pelaburan Direalisasi Tertinggi Sebanyak RM64.7 Bilion

Putrajaya, 6 Mac 2025 – Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) berjaya merealisasikan pelaburan sebanyak RM64.7 bilion pada 2024 dan lebih 14,000 peluang pekerjaan hasil kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Pencapaian berkenaan telah meneruskan momentum peningkatan realisasi pelaburan NCER untuk tempoh tiga tahun berturut-turut iaitu sebanyak RM31.29 bilion yang dicatatkan pada 2022 dan diikuti RM41.45 bilion pada 2023.

Sepanjang tahun 2024, NCER merealisasikan pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM57 bilion dengan syarikat dari Amerika Syarikat dan Jerman merupakan antara pelabur utama, manakala pelaburan langsung domestik (DDI) adalah sebanyak RM7.7 bilion.

Sektor pembuatan mencatatkan jumlah pelaburan terkumpul tertinggi iaitu sebanyak RM62 bilion diikuti sektor lain seperti logistik (RM0.7 bilion), ekonomi digital (RM0.59 bilion), pelancongan (RM0.54 bilion) dan perniagaan agro (RM0.26 bilion).

“NCIA berjaya mempercepatkan proses realisasi pelaburan di NCER melalui kerjasama strategik dengan agensi Persekutuan dan Negeri, sekali gus menyokong ekosistem serta rantai bekalan industri yang kondusif bagi menarik pelaburan berimpak tinggi,” kata Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas mempengerusikan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Ke-33 hari ini.

Sementara itu, Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader Sultan berkata, bagi mengukuhkan kedudukan wilayah utara sebagai hab utama bagi industri semikonduktor berteknologi tinggi negara, NCER akan meneraju dan memacu pembangunan fabrikasi iaitu Advanced Packaging (AP), yang akan menyokong ekosistem *High Value Manufacturing* (HVM).

Kemajuan teknologi baharu ini akan memberi peluang kepada pemain industri tempatan merangkumi rantaian nilai reka bentuk, fabrikasi, pemasangan dan pengujian untuk meningkatkan serta membangunkan keupayaan teknologi serta meningkatkan keupayaan mereka dalam teknologi AP.

Peningkatan dalam keupayaan pemrosesan cip berprestasi tinggi dan integrasi AI dalam pembuatan akan menarik lebih banyak pelaburan berkualiti ke NCER, mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab teknologi termaju di rantau ini dan membantu negara menyaingi pasaran global yang kini didominasi oleh negara-negara maju.

“Sebagai langkah strategik, melalui program NCER Technology Innovation Centre (NTIC), NCER akan memperkenalkan Advanced Packaging Institute and Research Centre (APIRC) yang berperanan sebagai Pusat Kecemerlangan (CoE) untuk memajukan teknologi, pembangunan bakat dan pengukuhan ekosistem tempatan untuk AP di rantau ini, sejajar dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS),” katanya.

Tambah Mohamad Haris, NCER juga sedang merancang model pembangunan bakat berkemahiran melalui strategi intervensi bagi menyediakan tenaga kerja mahir selari dengan keperluan industri teknologi tinggi dan baharu muncul (*emerging*). NCIA turut mengadakan kolaborasi bersama dengan kementerian dan agensi-agensi berkaitan di dalam usaha untuk merapatkan jurang bagi pembangunan bakat di Wilayah Utara.

“Program peningkatan kemahiran dan intervensi strategik akan dijalankan bagi merapatkan jurang antara pendidikan dan keperluan industri. Dalam tempoh lima tahun, inisiatif ini dijangka melahirkan 20,000 bakat berkemahiran tinggi, meningkatkan kebolehpasaran graduan melebihi 90 peratus, serta menaikkan purata gaji lebih 30 peratus, sekali gus mengukuhkan daya saing tenaga kerja dan menarik pelaburan berkualiti ke NCER,” tambah beliau.

Untuk maklumat lanjut mengenai NCER, sila layari laman sesawang NCER di www.ncer.com.my.

-TAMAT-

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkeanaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Encik Mohamad Haris Kader Sultan selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

En. Fairus Kassim Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: fairus@ncer.com.my No Tel: + 019-3272507 GL: + 604-502 0708	En. Ariff Ahmad Ketua Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: ariffahmad@ncer.com.my No Tel: + 016-3288944 GL: + 604-502 0708
---	--

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>